

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 03 Tahun 2019

PENURUNAN KUASA MELULUS BAGI PERJALANAN RASMI DI ANTARA SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH DAN SARAWAK SELARAS DENGAN ARAHAN PERBELANJAAN BERHEMAH OLEH KERAJAAN

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf universiti mengenai penurunan kuasa melulus bagi perjalanan rasmi antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

LATAR BELAKANG

2. Sepertimana termaklum pihak Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 2014 bertarikh 2 Januari 2014 berkaitan dengan Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemah Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam.
3. Kementerian Kewangan melalui Pekeliling Perbendaharaan Malaysia berkaitan Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimalkan Perbelanjaan Kerajaan (PB 3.3) juga berkaitan.
4. Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil.8/2019 bertarikh 20 Mac 2019 telah meluluskan Penurunan Kuasa bagi perjalanan rasmi di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak kepada Rektor dan Dekan.

PELAKSANAAN

5. Semua perjalanan rasmi dalam negeri staf di kampus cawangan dan fakulti untuk menghadiri mesyuarat, taklimat, menghantar kertas soalan peperiksaan, jemputan sebagai penceramah, semakan audit dan seumpamanya adalah diluluskan oleh Rektor atau Dekan.
6. Manakala perjalanan rasmi antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi Ahli Majlis Eksekuti Universiti, Rektor, Dekan, Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab lain dan staf di bawah Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit di Kampus Shah Alam seperti Pejabat Pendaftar, Pejabat Bendahari, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan lain-lain adalah kekal di bawah kelulusan Naib Canselor.
7. Bagi penganjuran sesuatu majlis, seminar, konferensi, bengkel, kursus, taklimat, lawatan dan seumpamanya di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi semua Kampus/ Fakulti/ Jabatan/ Bahagian/ Pusat dan Unit, kuasa melulus penganjuran dan penghantaran staf berkaitan masih kekal di bawah Naib Canselor.
8. Manakala perjalanan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi seluruh staf Universiti yang bertujuan untuk menghadiri atau menyertai kursus/ seminar/ konferensi/ bengkel/ membentangkan kertas kerja dan seumpamanya kekal di bawah kelulusan Panel Pembangunan Sumber Manusia PTJ masing-masing.
9. Perjalanan dalam negeri hendaklah dikawal dengan baik dan hanya melibatkan bilangan pegawai yang minimum sahaja bagi perjalanan yang diperlukan.
10. Ketetapan pembelian tiket seperti Garis Panduan Pembelian Tiket Kapal Terbang Domestik Dengan Cara "Beli & Tuntut" – Bil. 1/2017 adalah berkuatkuasa.
11. Selaras dengan dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan, semua pihak mesti memahami bahawa perjalanan rasmi di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak atau antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang didapati tidak mendatangkan faedah yang jelas kepada Universiti dan tidak kritikal atau tidak perlu hendaklah dielakkan sama sekali walaupun ada peruntukan yang mencukupi.

TARIKH DIKELUARKAN


12. Pekeliling ini dikeluarkan pada **01 April 2019**.

TARIKH KUATKUASA

13. Pekeliling ini berkuat kuasa **01 April 2019**.

PEMAKAIAN

14. Pekeliling ini adalah terpakai untuk seluruh warga staf Universiti Teknologi MARA dan Pekeliling Naib Canselor Bil.01/2011 bertarikh 06 Januari 2011 adalah **terbatal**.



PROFESOR IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada :

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri
Semua Dekan-Dekan Fakulti*

*Bil. Fail : 100-CAN(6/7/1)
No Siri : 100-UITM (NC 6/2)*